

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGGAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha dan langkah penambahbaikan kepada pengajaran subjek falsafah dan etika di Institut Pengajian Tinggi Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban telah ditawarkan sebagai kursus wajib di bawah Kelompok U1 bagi Sesi Akademik 2019/2020 di semua Universiti Awam. Penawaran kedua-dua kursus ini adalah berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil usaha dan langkah bagi memperkasakan kefahaman dan kemahiran pensyarah yang terlibat dalam pengajaran kedua-dua kursus ini. Beberapa siri bengkel *Training of Trainers* (TOT) MPU yang memfokuskan kepada dua kursus baharu ini telah dijalankan. Semua Universiti Awam telah dilibatkan dalam bengkel TOT ini di mana seramai 67 orang pensyarah telah hadir bagi kursus TOT MPU Kursus Falsafah dan Isu Semasa manakala 75 orang pensyarah telah hadir bagi kursus TOT MPU Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Bengkel TOT ini akan membantu pensyarah meningkatkan kemahiran dan mempelbagaikan teknik-teknik

NO. SOALAN : 261

pengajaran dan penilaian dalam mengendalikan kedua-dua kursus ini. Penceramah yang dijemput adalah terdiri daripada pakar bidang dan pembangunan kandungan kursus.

Selain daripada pelaksanaan Bengkel TOT, KPT juga ada menyediakan bahan bantuan mengajar yang dibangunkan oleh Jawatankuasa yang dilantik. Bahan bantuan mengajar yang dibangunkan adalah seperti slaid dan video ringkas bagi setiap topik. Tenaga pengajar boleh menggunakan bahan bantuan mengajar ini semasa sesi pengajaran di dalam kuliah masing-masing.

Berdasarkan kepada perkembangan semasa terutamanya penularan COVID-19 pada ketika ini, KPT merancang membangunkan satu modul digital bagi kedua-dua kursus ini agar dapat dicapai oleh tenaga pengajar dan pelajar dengan lebih mudah dan berkesan. Pembangunan modul digital yang interaktif ini dilihat dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan mempelbagaikan kaedah pengajaran oleh tenaga pengajar.

Sekian, terima kasih.